

Headline	Ramai penghidap HIV/AIDS di Kelantan	Language	MALAY
Date	20. Jun 2009	Page No	4
Media Title	Kosmo	Article Size	48 cm2
Section	Negara	Frequency	Daily
Circulation	108796	Color	Black/White
Readership	406000	AdValue	221.82



Ramai penghidap HIV/AIDS di Kelantan

KOTA BHARU – Kelantan merekodkan 666 pesakit HIV/AIDS pada tahun lepas iaitu kadar tertinggi di negara ini.

Timbalan Presiden Majlis AIDS Malaysia, Datuk Mohd. Zaman Khan Rahim Khan berkata, sejak pesakit pertama penyakit itu dikesan di negara ini pada 1986, jumlah keseluruhan kes penyakit itu yang direkodkan di negara ini sehingga kini ialah 9,758 kes.

Bagaimanapun, tahap kesedaran di kalangan orang ramai terhadap langkah-langkah pencegahan penyakit itu sentiasa meningkat dari semasa ke semasa, katanya kepada pemberita pada majlis Hari Memperingati AIDS Sedunia 2009 di sini semalam.

Ketua Penolong Pengarah (Kesihatan Keluarga) Jabatan Kesihatan Kelantan, Dr. Hasbullah Abdul Rahman pula berkata, seramai 172,067 bakal pengantin menjalani ujian saringan pemeriksaan HIV/AIDS di Kelantan pada tahun lepas.